

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR]**

**TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-**

- (a) apakah langkah drastik yang diambil Kementerian bagi menangani stok minyak sawit yang berkurangan hasil daripada kejatuhan harga sawit sejak September 2018; dan
- (b) adakah dengan pengurangan keluaran minyak sawit dapat mengekalkan harga di pasaran, apakah kesan kepada pekebun sawit ketika stok minyak sawit dikurangkan yang sudah tentu jualan pekebun kepada peraih akan berkurangan dan terhad.

**JAWAPAN (a)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stok minyak sawit negara telah meningkat ke paras 3.22 juta tan pada Disember 2018 dan keadaan ini telah menjejaskan harga sawit. Dalam hal ini, Kementerian telah dan akan melaksanakan beberapa mekanisme pengurusan bekalan minyak sawit dalam usaha untuk menstabilkan harga sawit antaranya:

## SOALAN NO : 20

- (a) pelaksanaan Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) bagi sektor pengangkutan mulai 1 Februari 2019 dan B7 bagi sektor industri mulai 1 Julai 2019;
- (b) pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori pada Januari 2020 bagi membuka akses pasaran yang lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan Malaysia;
- (c) memperkukuh pasaran eksport sedia ada serta meneroka pasaran baharu bagi produk-produk berasaskan sawit; dan
- (d) menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru bernilai tambah tinggi.

### **JAWAPAN (b)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permintaan eksport yang kurang menggalakkan akan menyebabkan paras stok minyak sawit yang tinggi dan ini akan menjejaskan permintaan untuk pemprosesan buah tandan segar (BTS) atas faktor tempat simpanan yang terhad. Keadaan ini menyebabkan kejatuhan harga sawit dan memberi kesan kepada pengusaha tanaman sawit terutamanya pekebun kecil.

Sekiranya stok minyak sawit dapat dikurangkan melalui mekanisme pengurusan bekalan minyak sawit yang sedang dilaksanakan, harga sawit dijangkakan akan lebih stabil dan ini akan memberi kesan positif kepada pekebun kecil sawit dari segi jualan BTS mereka.

Sekian, terima kasih.